

CNS9038

U GB 10-12 00155 BA215

Aab

~~M~~ahathir - Akhbar

I

KUALA LUMPUR, 10 Dis (Bernama) — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan tentang bahayanya jika akhbar diberi kuasa mutlak, sehingga boleh menjadikan akhbar itu korup.

Perdana Menteri menegaskan bahawa kuasa akhbar yang bebas begitu kuat sehingga ia boleh menubuh atau menghancurkan sesebuah kerajaan dengan mempengaruhi para pengundi di sesebuah negara yang demokratik.

+Memandangkan akhbar boleh menggunakan kuasa itu sehingga boleh menubuh atau menghancurkan kerajaan, adakah tidak mustahil baginya menjadi korup?,+ katanya ketika merasmikan Konvensyen Antarabangsa Akhbar Berbahasa Cina ke-23 di sini.

+Sekiranya tidak ada kritikan kepada kebebasan akhbar atau akhbar itu membenarkan kebebasan tanpa lesen, tidakkah benar jika dikatakan akhbar itu mempunyai kuasa mutlak dan boleh menjadi korup?+ katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir juga memetik kata-kata yang berbunyi; +Kuasa boleh menjadikan yang memegang kuasa itu korup, dan kuasa mutlak akan menjadikannya sama sekali korup.+ — Lagi.

♥10/12/14-18MST

Aab

Mahathir - Akhbar 2 Kuala Lumpur

+Sekiranya akhbar tidak suka kerajaan mempunyai kuasa mutlak, akhbar itu juga tidak boleh menggunakan kuasa mutlak dalam membentuk pendapat orang ramai,+ katanya.

Perdana Menteri, bagaimanapun, menegaskan bahawa akhbar di Malaysia adalah bebas.

+Pada hakikatnya, apabila akhbar boleh menyatakan bahawa ia tidak bebas bererti ia sebenarnya bebas. Sekiranya ia tidak bebas, akhbar itu akan hanya menulis apa yang diperkatakan oleh kerajaan,+ katanya.

Sambil menegaskan perlunya kebebasan bagi akhbar, Datuk Seri Dr Mahathir berkata: +Pena (akhbar) perlulah bebas. Sebarang halangan akan dianggap sebagai tidak demokratik.+

+Akhbar perlu bebas untuk mengkritik kerajaan kerana ia merupakan satu cara penting bagi menghalang kerajaan daripada menyalahgunakan kuasa,+ tegasnya. -- Lagi.

♥10/12/14-20MST

U GB 10-12 00130 BA217

Aab

Mahathir - Akhbar 3 Kuala Lumpur

Datuk Seri Dr Mahathir berkata akhbar berbahasa Cina menampung keperluan masyarakat minoriti yang berpengaruh bagi negara-negara di rantau Asia Tenggara.

Di Malaysia, katanya, kaum Cina telah banyak menyumbang kepada ekonomi dan sehingga tahap tertentu, ia disebabkan peranan akhbar berbahasa Cina.

Perdana Menteri juga berkata bahawa dasar-dasar yang diamalkan oleh Kerajaan Malaysia telah membenarkan kebudayaan pelbagai kaum dikekalkan dan tidak menimbulkan perbalahan kaum seperti yang dilihat di kebanyakan negara lain.

+Kecuali bagi satu rusuhan perkauman dalam tahun 1969, rakyat pelbagai kaum di Malaysia telah hidup dalam keharmonian,+ katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kewarganegaraan memerlukan pengenalan kebudayaan dan bahasa yang total dengan sejumlah penduduk yang tertentu di sesebuah negara. -- Lagi.

♥10/12/14-21MST

U GB 10-12 00070 BA225

Aab

Mahathir - Akhbar 4 Kuala Lumpur

Beliau berkata Malaysia telah mengamalkan sikap toleransi terhadap semua kaum dan ini termasuk kemudahan akhbar-akhbar dalam pelbagai bahasa bagi rakyat yang tinggal di negara ini.

Wakil daripada akhbar-akhbar berbahasa Cina dari Singapura, Thailand, Filipina, Brazil, England, Kanada, Amerika Syarikat, Korea Selatan, Jepun, Taiwan, Hong Kong dan Malaysia menghadiri konvensyen dua hari itu. -- Bernama.

♥10/12/14-46MST